

**NOTIS SEBUTHARGA KERJA
JABATAN KERJA RAYA JOHOR
(SEBUT HARGA)**

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam bidang yang dinyatakan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja / bekalan seperti jadual dibawah:-

BIL	TAJUK KERJA	KELAS, KATEGORI & PENGKHUSUSAN / BIDANG	TARIKH JUALAN DOKUMEN	HARGA DOKUMEN	TEMPAT, TARIKH & MASA TUTUP
1.	No. Sebut Harga: JKRJ/SH/NEG/SA/6/2024 PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KEBERSIHAN BERKALA SERTA KERJA BERKAITAN BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN UNTUK TAHUN 2024/2025 DI KEM SULTAN IBRAHIM, JOHOR.	KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA KOD BIDANG: 221001 (Perkhidmatan Pembersihan Bangunan Dan Pejabat)	12/03/2024 (Selasa) sehingga 18/03/2024 (Isnin)	RM50.00 Secara atas talian	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Johor, Tingkat 5, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak, Kota Iskandar, 79582 Iskandar Puteri, Johor Darul Ta'zim 19 Mac 2024 (Selasa) 12.00 Tengahari

2. Pihak Kontraktor/Pembekal WAJIB mendaftar kontraktor bagi Pembekal & Perkhidmatan di laman web JKR Johor (<https://ikr.johor.gov.my/>) dengan melengkapkan maklumat dan muatnaik dokumen wajib iaitu Salinan Sijil Akuan Pendaftaran dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Sijil Johor Center For Construction Development (JCDD) dan juga Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta lain-lain pendaftaran atau surat kebenaran khas (jika berkenaan) untuk tapisan. Kelulusan hanya akan diberikan selepas saringan dalam tempoh 2 hari berkerja dan akan diberikan ID Pengguna dan kata laluan.
3. Hanya kontraktor/pembekal yang layak dan memenuhi syarat akan dibenarkan untuk membeli dokumen sebut harga. Kontraktor perlu klik butang mohon di ruangan jualan dokumen bagi melihat butiran pembayaran dan perlu dibuat secara atas talian (online) melalui kaedah 'Instant Transfer'. Selepas pembayaran, Kontraktor dikehendaki mengemukakan semula Borang Pengesahan Bayaran sebagai bukti proses pembelian dokumen. Kelewatan dalam mengemukakan boring pengesahan akan menyebabkan kegagalan dalam memuat turun dokumen. Lawatan tapak adalah **Tidak Diwajibkan** bagi sebut harga ini.
4. Kontraktor dikehendaki memastikan Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Sijil Johor Centre For Construction Development (JCDD) dan Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) adalah masih sah semasa tawaran ini dibuat. Semua dokumen wajib ini perlu disertakan satu (1) salinan perakuan/sijil tersebut semasa menghantar dokumen.
5. Borang Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebutharga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di PEJABAT PENGARAH KERJA RAYA (BAHAGIAN UKUR BAHAN), TINGKAT 5, BANGUNAN DATO' ABDUL RAHMAN ANDAK, KOTA ISKANDAR, 79582 ISKANDAR PUTERI, JOHOR **tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, 19 Mac, 2024 (SELASA)**. Penyerahan Dokumen Sebut Harga secara pos yang diterima selepas dari tarikh tutup yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.
6. Kontraktor atau wakil kontraktor yang sah hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi langkah-langkah pencegahan wabak COVID-19 dan penjarakan sosial sepertimana yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) ketika proses penyerahan dokumen Sebut Harga secara manual ke pejabat ini.

Nama Penandatangan :
Jawatan :
Tarikh :


AKMAL HAKIM BIN IBRAHIM
JURUTERA AWAM
SENGKARA ASET NEGERI
JKR JOHOR
6/3/2024